



**JKR JAJAHAN KOTA BHARU
KENYATAAN SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di Jajahan Kota Bharu dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred **G1** Kategori **CE** Pengkhususan **CE01** atau Kementerian Kewangan – menyertai kerja sebutharga di bawah.

A)	KERJA-KERJA MEMBARUMUKA PREMIX DI PADANG KAWAT ISTANA NEGERI KUBANG KERIAN, KOTA BHARU, KELANTAN. NO SEBUTHARGA : (JJ/KB/J/02/2021)
-----------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

2. Pendaftaran kontraktor adalah melalui atas talian (online) dengan membuat pendaftaran di Google Forms pada capaian berikut : <https://forms.gle/38HfFryXhNbCrDaG9> atau dengan membuat imbasan pada QR Kod yang disediakan.
3. Kontraktor boleh membuat pendaftaran kehadiran dengan mengisi Google Forms tersebut bermula pada **25/04/2021 (Ahad) jam 9.00 pagi sehingga 26/04/2021 (Isnin) jam 9.00 pagi**. Pendaftaran sebelum dan selepas tarikh serta masa yang ditetapkan TIDAK akan diterima.
4. Pendaftaran kehadiran melalui Google Forms adalah **WAJIB**. Hanya kontraktor yang membuat pengesahan pendaftaran sahaja yang layak dibekalkan dokumen sebut harga dan kontraktor yang berdaftar sahaja yang akan diterima dan seterusnya membolehkan sebut harga mereka dibuat penilaian.
5. Lawatan tapak adalah TIDAK DIWAJIBKAN.
6. Taklimat sebut harga akan dilakukan secara atas talian pada **27/04/2021 (Selasa) jam 2.00 petang** kepada kontraktor yang layak. Borang sebutharga boleh dimuat turun secara percuma melalui aplikasi Telegram selepas taklimat sebutharga (pautan Telegram akan diberikan selepas pendaftaran berjaya dilakukan di Google Forms). Sila pastikan kontraktor yang berdaftar mempunyai Telegram.
7. Dokumen Sebutharga dalam bentuk salinan cetak yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup dengan mencatatkan Tajuk dan No Sebutharga di bahagian atas sebelah kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Pejabat Jurutera Jajahan JKR Kota Bharu, Kelantan** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari, 4/5/2021 (Selasa)**.
8. Pejabat ini tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

(Ir. WAN KHAIRUL ANUAR BIN WAN MOHAMAD)

Jurutera Jajahan,
JKR Kota Bharu.
Kelantan.

s.k;

- 1 YABrs Pengarah, JKR Kelantan.
- 2 Ybrs. Jurukur Bahan Penguasa (Kontrak & Ukur Bahan) JKR Kelantan
- 3 Ybrs. Jurutera Awam Kanan (Bangunan), JKR Kelantan
- 4 Pusat Khidmat Kontraktor Negeri Kelantan.
- 5 Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Cawangan Kelantan Fax : 09-7482696
- 6 Penglola Istana D'Raja Kelantan.

